

# Buletin@SUK



Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

## 7 ISTIADAT PEMBUKAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) SELANGOR



**6 ANUGERAH**  
INOVASI PENYUSUAN

**11 SESI PERJUMPAAN KUMPULAN**  
SUKSEL DAN KUMPULAN HEROES BERSAMA  
TSUK (M)

# Mutiara Kata

"Tanggungjawab membudayakan kerja cemerlang itu berada di atas bahu semua kakitangan Kerajaan tanpa mengira pangkat atau gred jawatan. Saya percaya dengan kerjasama dan komitmen kita semua, Negeri Selangor akan terus makmur dan cemerlang."

YB Dato' Nor Azmie Diron  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



## Isi Kandungan

---

- 2 *Majlis Penyerahan Surat Penempatan dan Pertukaran*
- 5 *Majlis Penyerahan Jalur Gemilang*
- 6 *Anugerah Inovasi Penyusunan bersama TSUK*
- 7 *Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Negeri*
- 9 *YB Adun Kibar Jalur Gemilang*
- 10 *Seni Galeri Shah Alam Anjur Pameran Maya Insan + TIF*
- 11 *Sesi Perjumpaan Kumpulan SUKSEL & Heroes bersama TSUK (M)*

## Sidang Redaksi

### PENAUNG

YB Dato' Nor Azmie Diron  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor*

### PENASIHAT

Nor Azurah binti Nasir

### KETUA EDITOR

Nurulhaizan binti Haji Rais

### SIDANG EDITORIAL

Muhamad Ashriq bin Haji Masri

Nur Fariza binti Daud

Adib bin Aziz

Nur Syazwani binti Salim

### FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya

Nadzir Asri bin Khairi

# MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN DAN PERTUKARAN MASUK PEGAWAI KANAN KERAJAAN

**Bermula daripada Julai 2021  
sehingga September 2021,**

SERAMAI SEMBILAN (9) ORANG PEGAWAI  
TELAH MENERIMA SURAT PENEMPATAN DAN  
PERTUKARAN MASUK PEGAWAI KANAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG  
DISAMPAIKAN OLEH YB DATO'NOR AZMI  
DIRON, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR SECARA BERINGINAN.

Pertukaran dan penempatan pegawai melibatkan  
Ketua Jabatan seperti Pegawai Daerah, Pejabat  
Tanah/Daerah, Yang DiPertua Majlis, Pihak  
Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan kerajaan  
lain.

Dalam majlis yang sederhana, YB Dato' Nor Azmi  
Diron, meluangkan masa bertemu pegawai-  
pegawai tersebut di samping menyampaikan  
amanatnya yang mengingatkan semua pegawai  
agar menjalankan tugas yang bakal dipikul  
dengan penuh komitmen dan integriti. Beliau juga  
mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua  
pegawai yang terlibat.

Dengan berbekalkan pengalaman berkhidmat di  
jabatan yang lain sebelum ini, diharapkan agar  
semua Pegawai yang dilantik ini dapat  
memberikan idea dan menyumbangkan daya  
usaha ke arah mencapai matlamat dalam konteks  
pembangunan Negeri Selangor. Tahniah  
diucapkan.



# SESI SERAH SURAT

*Pegawai Kanan Kerajaan*



**PROF MADYA DR MISZAIRI BIN SITIRIS**

Timbalan Mufti Selangor  
1 Julai 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Profesor Madya Jabatan Fiqh dan Usul Al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Pengajian Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang  
19 Julai 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Agama Islam Selangor



**YBHG. TUAN HAJI NAJMUDDIN BIN JEMAIN**

Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Kajang  
19 Julai 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat

**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Hulu Selangor  
1 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perolehan, Jabatan Perdana Menteri



# PENEMPATAN

Pegawai Kanan Kerajaan



**PN. NOR AZLINA BINTI  
ABDUL AZIZ**

Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak  
6 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Timbalan Pegawai Kewangan Negeri  
Perbendaharaan Negeri Selangor



**ENCIK HIZAN BIN WAHED**

Timbalan Pengarah  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor  
6 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Timb.  
Setiausaha Bahagian, Bahagian Pemerkasaan  
& Pemantauan Keusahawanan, Kementerian  
Pembangunan Usahawan & Koperasi



**DR. ANI BINTI AHMAD**

Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat  
6 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar & Inspektorat Kementerian Perumahan &  
Kerajaan Tempatan



**PUAN SITI AZRAH MOHD  
IBRAHIM**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
6 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Penolong  
Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, Agensi  
Penguatkuasaan Maritim Malaysia



**EN. MOHD HANAFAE BIN BASRI**

Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor  
6 September 2021

Sebelum ini berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah  
Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor

# MAJLIS

## PENYERAHAN JALUR GEMILANG

4 OGOS 2021 | Bilik Gerakan Negeri

Majlis Penyerahan Bendera Malaysia sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah diadakan pada 4 Ogos 2021 di Bilik Gerakan Negeri. Penyerahan Bendera Malaysia tersebut diberikan kepada 21 jabatan melibatkan 9 Pejabat Daerah/ Tanah (PDT) dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).



Jabatan-jabatan tersebut diamanahkan untuk menyemarakkan lagi semangat patriotik dan cintakan Negara di kawasan masing-masing dan dapat menterjemahkan solidariti dengan mengibarkan Jalur Gemilang, sempena bulan kemerdekaan.

Melalui semangat cintakan negara yang sentiasa diperteguh, negara akan dapat mengekalkan kehidupan yang harmoni, saling mengasihi dan bersatu hati dalam kalangan rakyat yang berlainan kaum, agama dan latar belakang walaupun masih berada dalam tempoh yang agak mencabar susulan wabak COVID-19.



# ANUGERAH INOVASI PENYUSUAN

*Sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Peringkat Kebangsaan Tahun 2021*



4 OGOS 2021 | Bilik Mesyuarat Renanthera

## "MARYAM MEMENANGI ANUGERAH INI MELALUI KIOSK LAKTASI MOMREA"

Kumpulan Maryam baru-baru ini telah berjaya menerima Anugerah Inovasi Penyusuan Susu Ibu sempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara dalam talian melalui penciptaan Kiosk Laktasi yang diberi nama MOMREA.

Anugerah ini diadakan bagi memberi penghargaan dan meraikan usaha individu dan kumpulan yang terlibat mempromosi, melindungi dan menggalakkan penyusuan di Malaysia dan menjadi inspirasi kepada inovasi dan inisiatif seterusnya dalam usaha menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di Malaysia.

Tema sambutan ini ialah "Protect Breastfeeding: A Shared Responsibility"/Lindungi Penyusuan Susu Ibu:Tanggungjawab Bersama.

Majlis dalam talian ini disempurnakan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba pada 4 Ogos 2021.

Tahniah kepada Kumpulan Maryam di atas pengiktirafan anugerah tersebut.




# Istiadat Pembukaan Dewan Undangan Negeri



23 OGOS 2021 | Dewan Undangan Negeri

Istiadat pembukaan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke-14 yang telah diadakan pada Isnin 30 Ogos 2021 telah berlangsung secara ringkas dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Majlis yang berlangsung secara penuh istiadat namun diringkaskan dengan kehadiran sekitar 150 orang berbanding 500 orang pada persidangan DUN biasa sebelum ini bagi menjaga penjarakan sosial.



**Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah berkenan mencemar duli merasmikan istiadat pembukaan yang turut disertai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.**





Sebagai langkah persediaan dan keselamatan, ujian saringan COVID-19 telah dilaksanakan kepada semua pihak yang terlibat pada Istiadat Pembukaan dan juga Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Ke-14.

Pejabat Dewan Negeri Selangor juga telah membekalkan kit ujian RTK Antigen Saliva kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan juga semua petugas dewan yang terlibat untuk membuat ujian sendiri pengesanan COVID-19 sepanjang sidang DUN yang berlangsung.



# YB ADUN SELANGOR KIBAR JALUR GEMILANG

30 OGOS 2021 | Dewan Negeri Selangor



Rakyat Malaysia di seluruh negara mengibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-64. Itulah yang dilakukan seramai 56 ADUN Negeri Selangor yang mana masing-masing mengibarkan Jalur Gemilang bagi menunjukkan semangat patriotik dan cintakan negara.

Majlis Kibarkan Jalur Gemilang tersebut telah dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan juga YB Tuan Speaker Negeri Selangor selepas Mesyuarat Persidangan Dewan berehat seketika.



Kesedaran mengibarkan Jalur Gemilang seharusnya ada dalam setiap diri rakyat Malaysia tanpa mengira masa, malahan tindakan itu seharusnya lebih meriah dengan ketibaan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos setiap tahun.

Masyarakat perlu memahami konsep meraikan kemerdekaan iaitu dengan menyatakan perasaan masing-masing khususnya ketika sambutan hari kebangsaan tersebut.



Tahun ini, Hari Kebangsaan yang bertemakan 'Malaysia Prihatin' tetap disambut dengan mengikut norma baharu dengan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) susulan pandemik COVID-19 yang melanda negara.




# PELANCARAN SENI GALERI SHAH ALAM ANJURAN PAMERAN MAYA INSAN + TIF

Seni Galeri Shah Alam telah menganjurkan "Pameran Maya INSAN+TIF". Pameran yang melibatkan 18 perupa merupakan penerima Anugerah Insentif Pameran Terbuka Galeri Shah Alam (PTGSA) bermula dari tahun 1991 sehingga 2020.

Perasmian pameran ini yang diadakan pada 11 September 2021 secara atas talian, telah disempurnakan oleh YB. Dato' Nor Azmie Diron, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor merangkap Ahli Lembaga Amanah Yayasan Seni Selangor.

Pameran ini bertujuan untuk meraikan kejayaan para penerima anugerah dan secara tidak langsung bahan pameran dijadikan sumber rujukan para pengkaji, pengkritik, pelajar dan pencinta seni.

**Pameran maya telah berlangsung dari 2 Ogos hingga 30 September 2021.**



9 SEP 2021

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor





## SESI PERJUMPAAN KUMPULAN SUKSEL DAN KUMPULAN HEROES BERSAMA TSUK (M)



30 SEP 2021

Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 22

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahari bin Samingon berkesempatan meluangkan masa untuk turut serta dalam Sesi Pemantapan Kumpulan SUKSEL Dan Kumpulan HEROES Sempena Penyertaan Ke Pertandingan International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) Tahun 2021)

Majlis dimulakan dengan sesi perkenalan kumpulan dan pembentangan projek oleh Kumpulan HEROES dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan memperkenalkan produk inovasi Aplikasi Smart Taska dan seterusnya pembentangan Kumpulan SUKSEL dari Bahagian Khidmat Pengurusan yang memperkenalkan produk inovasi iaitu Integrated Portable Fire Detection atau alat pengesanan kebakaran mudah alih.

Kumpulan SUKSEL dan Kumpulan HEROES akan mewakili Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bagi menyertai dan mengambil bahagian dalam kategori 'Competition' di International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2021 berdasarkan pencapaian cemerlang semasa Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (APIC 2020).

ICQCC merupakan acara tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir di 13 negara yang mengambil bahagian iaitu Bangladesh, China, Hong Kong, India, Indonesia, Singapura, Japan, Korea, Malaysia, Filipina, Sri Lanka, Taiwan dan Thailand. Tujuan penganjuran ICQCC adalah sebagai platform untuk kumpulan membuat tanda aras terhadap projek-projek yang dijalankan oleh kumpulan dari negara luar serta mewujudkan jalinan kerjasama dengan negara yang terlibat dalam konvensyen tersebut.




Penganjuran ICQCC pada tahun 2021 akan dikendalikan oleh Quality Circle Forum of India (QCFI) bertempat di Hyderabad, India pada 24-27 November 2021 secara dalam talian.



Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) berasa teruja dengan idea yang telah dibentangkan dan mengucapkan selamat maju jaya kepada Kumpulan HEROES dan Kumpulan SUKSEL.

Semoga Kumpulan HEROES dan SUKSEL akan beroleh kejayaan dalam pertandingan tersebut.





**PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.  
40503, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Telefon: 03-55447000**